

18/05/2004

Oksidetalisme pendekatan baru dalam kajian

OKSIDENTALISME masih baru dan janggal kepada masyarakat dan lingkungan akademik di Malaysia walhal ia topik ilmiah yang penting dan mesti dikupas serta diteliti secara rasional.

Pengarah Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Datuk Dr Shamsul Amri Baharuddin, (gambar) berkata oksidentalisme adalah terbalikan daripada orientalisme.

"Jika dalam orientalisme orang Barat mengkaji Timur tetapi oksidentalisme pula, orang Timur mengkaji Barat," katanya ketika memperkatakan Oksidentalisme: Pengertian dan Halatujunya pada Siri Kedua Wacana Intelektual 2004 di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Prof Shamsul yang juga Pengarah Institut Kajian Oksidental (Ikon) berkata, oksiden bermaksud wilayah yang dikaji, oksidental (masyarakat yang dikaji), oksidentalisme (kualiti dan sifat masyarakat yang dikaji) dan oksidental (pengkaji).

"Pensyarah Institut Falsafah, Universiti Kaherah, Mesir, Prof Hassan Hanafi, mempelopori wacana oksidentalisme sebagai reaksi kepada dominasi orientalisme di wilayah negara Arab," katanya pada majlis anjuran Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad (ITNMB) dan Utusan Karya Sdn Bhd.

Di Malaysia pula, slogan ini pernah dilaungkan oleh bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, melalui kritiknya terhadap Eropah dan Barat, khususnya terhadap masyarakat dan budaya mereka.

"Bagaimanapun, oksidentalisme ada pengertian berbeza sebelum dan selepas Peristiwa 11 September 2001. Kajian ini dilihat sebagai strategi perang. Perbincangan dan penafsiran mengenainya juga diwarnai dengan peristiwa berkenaan," katanya.

(END)